

# 20

## pegawai dilantik Fellow Alumni UPMKB

**BINTULU:** Sekitar 20 pegawai menerima watakah pelantikan sebagai Fellow Alumni Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di Pejabat Pengurusan Pelajar UPMKB di sini, baru-baru ini.

Acara ringkas penyerahan watakah pelantikan itu disempurnakan Ketua Pentadbir Pengurusan Pelajar UPMKB, Mohamad Syukri Mohamad Adnan mewakili Pengarah Kampus UPMKB, Profesor Dr. Shahrul Razid Sarbini.

Menurut Mohamad Syukri, Fellow Alumni UPMKB dilantik bagi menjalankan tanggungjawab tertentu seperti memberi khidmat nasihat, membantu tadbir urus, pelaksanaan program bahagian alumni, mempromosi dan membuat pengesanan graduan.

"Antara perancangan awal aktiviti yang bakal dijalankan pada tahun ini di bawah kelolaan Bahagian Alumni UPMKB adalah Majlis Makan Malam Sirih Pulang ke Gagang," katanya dalam kenyataan.

Ujar beliau, majlis makan malam itu bakal mengumpul ahli-ahli alumni UPMKB dan alumni UPM di Sarawak.

Turut hadir, Ketua Bahagian Alumni UPMKB, Hairunisah Abdul Rahman.